

26/08/2000

Elaun anggota 10 Briged Para tidak berbaloi

Payung Lama

10 BRIGED PARA telah dinobatkan sebagai pasukan briged tempur khas yang mampu digerakkan dalam jangka waktu singkat berbanding dengan pasukan infantri lain.

Pada 10 Oktober 1994, rasmilah penubuhannya di Pulau Langkawi oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Selepas itu, beberapa demonstrasi diadakan bagi penilai melihat sendiri keupayaan dan kesukaran setiap warga pasukan ini melaksanakan sesuatu operasi.

Biarpun pada dasarnya kelebihan 10 Briged Para hanya mampu melakukan penerjunan dan seterusnya melakukan operasi lain sama seperti unit tempur, bantuan tempur dan bantuan perkhidmatan lain, namun bagi kami yang berkhidmat sebagai pasukan tempur dan bantuan tempur sangat merasakan perbezaannya.

Pasukan tempur seperti 9 RAMD Para, 17 RAMD Para, 8 Renjer Para, bantuan tempur, 1 Artileri Para dan B Skuadron 11 Armor telahpun mempunyai anggota yang berkelayakan sebagai pengendali letupan khas, TIM Pandura, Penembak Tepat dan kemahiran lain yang dahulunya dimonopoli oleh pasukan elit komando.

Setiap kali melakukan latihan, banyak sudah daripada kalangan pegawai dan anggota kami yang mengalami kecederaan, terutamanya akibat dari melakukan penerjunan dan pengendalian letupan. Melakukan penerjunan bebas atau statik bukanlah semudah yang dipandang dan dilihat. Keindahan payung memutih berkembang. Hebat dipadang belum tentu menjanjikan keselamatan untuk kami. Sesaat terlalai, maka deritalah kesudahannya. Semakin hari jumlah anggota yang mendapatkan rawatan semakin bertambah, namun begitu insentif yang dijanjikan kepada kami pada awal penubuhan briged ini masih samar iaitu terus menerus dalam kajian pihak berkenaan.

Seketika dulu heboh cerita dari kenyataan pihak atasan tentera kononnya elaun PAC telahpun diluluskan pada peringkat tertinggi dengan pembayaran sebanyak RM333 sebulan.

Namun, setelah lebih dua tahun berlalu, sedarlah kami itu hanya janji palsu untuk memastikan kami terus berada di sini, setia melakukan penerjunan demi penerjunan. Bukalah mata dan akuilah hakikat, berapa ramaikah mereka yang sukarela bertukar berkhidmat ke pasukan di bawah naungan 10 Briged Para.

Berapa lama lagi kami mampu tersenyum dan menjawab soalan dan sindiran daripada rakan seperjuangan dari pasukan lain yang mengatakan: "Besarnya RM125 sebulan untuk menggadai nyawa saban hari".

Pada dasarnya, bukanlah wang menjadi penentu dan penyebab kesetiaan perkhidmatan kami tetapi kami mahukan sedikit penghargaan.